

Jadikan Malaysia pintu masuk pasaran ASEAN

um - 19/4/2007

NAIROBI 18 April - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mempelawa masyarakat perdagangan Kenya menjadikan Malaysia yang kini salah sebuah ekonomi paling terbuka di dunia sebagai 'batu loncatan' untuk meneroka pasaran negara-negara ASEAN yang mempunyai 560 juta orang penduduk.

Menurut Perdana Menteri, melalui Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Malaysia boleh menjadi pintu masuk ke negara-negara tersebut yang memiliki Keluaran Dalam Negara Kasar berjumlah AS\$876.1 bilion.

Katanya, perdagangan Malaysia dengan 10 negara Asia Tenggara itu juga semakin berkembang pesat apabila banyak halangan perdagangan dan pelaburan dapat diatasi dengan nilai dagangan Malaysia melonjak kepada AS\$75.3

bilion iaitu peningkatan 14.4 peratus pada 2006 berbanding AS\$65.8 bilion pada 2005.

Malah, dijangkakan nilai dagangan dan pelaburan antara ASEAN terus meningkat apabila AFTA direalisasikan sepenuhnya pada 2010 dan Asia Tenggara menjadi Komuniti Ekonomi pada 2015 yang membolehkan aliran bebas barangan, perkhidmatan, pelaburan dan modal.

Dengan nilai dagangan lebih dua kali ganda Keluaran Dalam Negara Kasar, jumlah dagangan Malaysia meningkat 77 peratus dalam tempoh 11 tahun lalu daripada RM164.3 bilion pada 1996 kepada RM291.5 bilion pada 2006.

Ini meletakkan Malaysia sebagai negara perdagangan ke-19 terbesar di dunia, negara pengeksport ke-19 terbesar dan pengimport ke-24 terbesar pada 2005 seper-

ti yang diiktiraf oleh Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Menurut Abdullah lagi, asas ekonomi makro Malaysia begitu teguh dengan kadar inflasi serendah 3.6 peratus, kadar pengangguran 3.5 peratus dan kadar hutang luar rendah menjadikan ekonomi negara berkembang 5.9 peratus tahun lepas berbanding 5.2 peratus pada 2005.

"Saya difahamkan ekonomi Kenya juga berkembang pesat sejak kebelakangan ini dengan Keluaran Dalam Negara Kasar meningkat lebih lima peratus dari 2005 hingga 2006, yang tertinggi sejak sedekad," katanya semasa berucap pada Forum Perdagangan Malaysia- Kenya, di sini hari ini.

Abdullah menarik perhatian, walaupun Kenya merupakan rakan dagang Malaysia kelapan terbesar, namun nilai dagangan

dua hala pada tahun lepas masih kecil iaitu AS\$90.3 juta, kurang 0.1 peratus daripada nilai dagangan keseluruhan Malaysia.

Menurutnya, eksport Malaysia ke Kenya berjumlah AS\$78.2 juta, manakala import pula AS\$12.1 juta dan struktur perdagangan kini menampakkan petunjuk untuk memperluaskan potensi dan peningkatan perdagangan antara kedua-dua buah negara.

Eksport Malaysia ke Kenya termasuk minyak masak, getah, kayu, bahan kimia, jentera dan produk petroleum, manakala import pula ialah produk pertanian dan besi.

Perdana Menteri mahu kedua-dua negara berusaha gigih untuk meningkatkan perdagangan dalam pelbagai bidang.

- Utusan